

Budi Sungai
Menyatakan idea syair

Dengarlah ini wahai saudara,
Kisah sungai yang terpelihara,
Jernih airnya hingga muara,
Menarik minat teruna dara.

Maksud rangkap tersebut ialah haiwan akuatik bebas mencari makanan di bawah sinaran cahaya yang terang

Haiwan akuatik bebas bersarang,
Ikan, buaya, udang, memerang,
Bawah sinaran cahaya terang,
Mencari makanan tidak berkurang.

Maksud rangkap tersebut ialah air sungai penting kepada manusia untuk diminum dan juga sumber pertanian kerana sungai merupakan khazanah utama.

Kepada tumbuhan sungai berjasa,
Pepohon segar nyaman dirasa,
Indahnya alam dirakam lensa,
Tenang fikiran hidup selesa.

Maksud rangkap tersebut ialah air sungai yang jernih hingga ke muara telah menarik minat lelaki dan gadis untuk mengunjunginya.

Demi manusia sungai dijaga,
Airnya diminum terasa lega,
Sumber pertanian ekonomi warga,
Sungai khazanah amat berharga.

Maksud rangkap tersebut ialah air sungai penting kepada tumbuhan dan keindahan alam yang boleh menenangkan fikiran kita.